

CNS0151

U GB 10-08 00150 BH404

AAB

Mahathir - Namibia

MALAYSIA-NAMIBIA PANDATANGAN ENAM MOU UNTUK PERKUKUH KERJASAMA SELATAN

1

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan Namibia hari ini menandatangani enam Memorandum Persefahaman yang dilihat sebagai usaha untuk memperkukuhkan lagi kerjasama Selatan-Selatan.

Memorandum berkenaan ialah berhubung kerjasama teknikal, pembinaan sebuah kilang simen, kajian sumber-sumber air, perlombongan, pinjaman bagi projek perumahan dan kerja-kerja infrastruktur.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman itu selepas menerima kunjungan Menteri Perdagangan dan Industri Namibia, Bidipo Hamutenya di pejabatnya, di sini.

Yang turut hadir ialah Menteri Kerja Raya, Datuk Leo Moggie dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Hamutenya menandatangani empat daripada perjanjian itu bagi Namibia termasuk memorandum persefahaman mengenai kerjasama teknikal. Malaysia diwakili Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Tan Sri Ali Abul Hassan. Memorandum lain ditandatangani dengan konsortium-konsortium Malaysia. -- lagi.

▼10/08/19-07MST

U GB 10-08 00138 BH405

AAB

Mahathir - Namibia 2 Kuala Lumpur

Menurut Ali, kerjasama teknikal itu membabitkan bidang-bidang seperti perancangan, kewangan, perbankan dan pertanian.

"Ruang kerjasama akan bergantung kepada keperluan Namibia... kita akan membantu mereka seperti menyediakan tempat di institusi-institusi pengajian dan memberi latihan jangka pendek," katanya kepada pemberita.

Pengerusi Presh Ventures Sdn Bhd, Datuk Mohamed Hussaini Jamil pula berkata, kilang simen yang akan dibina di Namibia ialah atas dasar usahasama antara sebuah konsortium Malaysia dan kerajaan Namibia.

"Kilang itu dijangka menelan belanja antara AS\$80 juta kepada AS\$120 juta dengan keluaran tahunan antara 250,000 tan metrik dan 300,000 tan metrik," katanya selepas menandatangani Memorandum Persefahaman bagi pihak Malaysia.

Beliau menjangka bahawa kilang itu akan dibina secepat mungkin dengan pengeluarannya ditumpukan kepada pasaran Namibia dan kemungkinan mengembangkan pasaran ke negara-negara jirannya. -- lagi.

▼10/08/19-17MST

Mahathir - Namibia 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Inilah pertama kali Malaysia menerokai dalam pembinaan sebuah kilang simen atas dasar kerjasama Selatan-Selatan, katanya.

"Ini ialah hasil terus lawatan Perdana Menteri ke Namibia," katanya. Dr Mahathir mengadakan lawatan rasmi lima hari ke Namibia November tahun lepas selepas presiden negara itu, Sam Nujoma melawat Malaysia dua bulan terdahulu daripada itu.

Hussaini berkata, Namibia, setelah mencapai kemerdekaan pada Mac 1990, amat memerlukan simen dalam usahanya untuk mempertingkatkan lagi pembangunan negara itu.

"Kita sedia membantu mereka... negaranya stabil, ia mempunyai infrastruktur yang diperlukan, ia mahu menggunakan teknologi Malaysia dan menggalakkan pelaburan dari Malaysia," katanya.

Timbalan Pengerusi, Development Brigade Corporation dari Namibia, Rehabeam Kamehozu menandatangani dua lagi memorandum persefahaman mengenai pinjaman bagi projek perumahan dan berhubung perumahan dan kerja-kerja infrastruktur.

Perjanjian bagi pinjaman itu ditandatangani dengan Bank Industri yang diwakili pengurusinya, Tan Sri Abdul Rahman Arshad manakala yang satu lagi ialah dengan konsortium empat buah syarikat Malaysia -- Country Heights, MK Associates Sdn. Bhd., Pilecon Engineering Bhd dan IJM Corporation Bhd. -- Bernama.

AZZ AZG KAM.

▼10/08/19-29MSI